



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

29 OGOS 2020 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

29 OGOS 2020 (SABTU)



PEGAWAI KPDNHEP memeriksa produk bijirin yang dirampas dalam operasi di Sungai Buloh pada Selasa lalu.

Produk bijirin bayi dari Korea dirampas

PUTRAJAYA – Sebanyak 204 unit produk bijirin yang dipercayai mengandungi kandungan berasaskan babi bernilai RM2,445 dirampas pihak berkuasa dalam serbuan di sebuah premis perniagaan di Sungai Buloh pada 25 Ogos lalu.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, siasatan mendapati produk yang diimport dari Korea itu dijual secara online.

Siasatan mendapati produk bijirin itu tidak mempunyai label nama dan alamat pengimport atau pengilangnya.

Katanya, maklumat yang tertera pada kotak produk makanan itu juga ditulis dalam bahasa Korea sekali gus menyukarkan pembeli di negara ini untuk mendapatkan maklumat seperti bahan kandungan dan status halalanya.

“Produk makanan itu tidak halal selain tiada maklumat dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris untuk difahami oleh pembeli rakyat Malaysia.

“Pengguna boleh keliru dan tidak menyedari hal ini kerana

label tersebut tidak mengikut saiz dan warna yang jelas,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Iskandar Halim berkata, operasi dijalankan susulan penularan rakaman video di laman sosial berkaitan produk bijirin berkenaan yang dipercayai mengandungi bahan berasaskan babi.

Bertindak atas maklumat itu, Unit Serbuan dan Taktikal KPDNHEP menjalankan pemeriksaan di beberapa buah pasar raya, namun produk tersebut tiada dalam pasaran.

“Siasatan mendapati produk bijirin itu dijual secara online yang seterusnya membawa kepada serbuan ke atas pembekal produk tersebut di Sungai Buloh,” katanya.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Perintah 3(1)(c) dan 4 Perintah Kawalan Harga (Pelabel oleh Pekilang, Pengimport, Pengeluar atau Penjual Borong) 1980 serta Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Kesalahan itu memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 bagi perbadanan dan denda sehingga RM250,000 bagi individu.



**Senarai Harga
Barang Keperluan**

Barang	Harga (kg)
• Ayam	RM5.10
• Daging Lembu Tempatan	RM32
• Daging Lembu Import	RM20
• Telur Gred A (30 biji)	RM9.90
• Ikan Kembung	RM7
• Minyak Masak	RM5.20
• Gula Pasir	RM2.80
• Bawang Besar Holland	RM2.75
• Bawang Putih	RM3.20
• Cili Merah	RM6.90
• Kubis Tempatan	RM1.69
• Tepung Gandum	RM1.35

Sumber: KPDNHEP



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDNHEP)

29 OGOS 2020 (SABTU)

MyCC teliti laporan LKAN kesan kes tipu bida projek

Suruhanjaya percaya wujud pakatan penentuan harga

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pesaingan Malaysia (MyCC) meneliti Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 bagi mengesan perbuatan menipu bida dalam kalangan pembida projek dan perkhidmatan kerajaan.

Setakat ini, berdasarkan LKAN 2019, MyCC mengesan satu projek pembekalan dipercayai ada unsur penipuan bida membabitkan perolehan di Penjara Kluang, Johor.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata pihaknya akan menyiasat kemungkinan wujud unsur penipuan bida mengikut Akta Persaingan 2010.

Katanya, berdasarkan siasatan awal hasil daripada audit LKAN 2019 itu, pihaknya percaya projek berkenaan mempunyai unsur penentuan harga.

"Pihak kami masih perlu menilai dan meneliti laporan (LKAN 2019) itu terlebih dulu sejauh ma-

na isu penentuan harga ini berlaku dalam tender pembekal membabitkan perolehan di Penjara Kluang.

"Berdasarkan kepada LKAN 2019 itu, terdapat aspek pembekalan dan perkhidmatan yang tidak disempurnakan sepenuhnya dan ini kesan apabila berlakunya penipuan bida dalam projek yang dituluskan," katanya kepada BH, semalam.

LKAN 2019 yang dikeluarkan Isnin lalu, mengesan ada unsur penentuan harga dalam kalangan pembekal perolehan membabitkan Penjara Kluang dan mendapati ada syarikat dimiliki individu samia menyertai serta berjaya dalam bidaan.

Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, berkata audit mendapati ada perkhidmatan dan pembekalan tidak mengi-

kut kontrak Jabatan Penjara apabila ada pembekal tidak menyediakan enam kiosk bernilai RM18,000 walaupun pembayaran penuh sudah dibuat.

Iskandar berkata, MyCC sudah menghubungi Jabatan Audit Negara (JAN) untuk mendapatkan maklumat dan dokumen projek serta tender berkenaan.

"Jika penelitian mendapati ada isu persaingan berkenaan tipuan bida, MyCC tidak akan teragak-agak menyiasat perolehan itu mengikut Akta Persaingan 2010.

"Kita tidak tahu berapa banyak lagi perolehan boleh dikaitkan dengan isu tipuan bida, beri kami masa untuk semak LKAN 2019 dulu," katanya.

Beliau berkata, sekiranya perlu MyCC juga akan mendapatkan akses kepada dokumen khusus-

nya berkaitan pemberian tender yang mencurigakan yang berada dengan JAN untuk semakan lanjut.

"Kita belum pastikan sepenuhnya, tetapi apa yang diperolehi melalui laporan itu (LKAN 2019) dan laporan media, ada elemen penipuan bida," katanya.

Beliau berkata, MyCC akan bekerjasama dengan JAN dan agensi penguatkuasaan lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta polis untuk mencari jalan membendung ketirisan wang kerajaan.

Tipuan bida membabitkan beberapa pembida berpakat menentukan harga sesuatu bidaan kerajaan bagi keuntungan mereka dan mengganggu persaingan.

Ia juga membabitkan pemba-



Iskandar Ismail

hagian pasaran iaitu syarikat kononnya kalah dalam bidaan akan tetap menerima faedah apabila ditawarkan kerja oleh pihak yang menang bidaan.

Modus operandi biasa dilakukan adalah sekumpulan pembida bersetuju menentukan pemenang tender dengan meletakkan harga sudah dipersetujui, atau mereka semua bersetuju untuk sengaja meletakkan harga tinggi supaya kerajaan tiada pilihan.

Kesannya mengakibatkan tender diberikan kepada pihak tidak layak, malah mungkin disiapkan dalam keadaan tidak mencapai spesifikasi atau berkualiti rendah, mengakibatkan pembaziran dana kerajaan.

Mereka yang didapati bersalah melakukan tipuan bida, boleh dikenakan denda sehingga 10 peratus daripada keseluruhan pendapatan syarikat di Malaysia serta luar negara.

MyCC adalah badan penguatkuasaan diberi kuasa melakukan penyiasatan terhadap syarikat disyaki melanggar Akta Persaingan 2010.

MyCC juga tidak menyiasat mana-mana agensi kerajaan, sebaliknya bertumpu kepada pembida berkaitan.

RON95, 97 naik 1 sen, diesel turun 2 sen

Kuala Lumpur: Harga runcit petrol RON95 dan RON97 masing-masing naik satu sen, manakala diesel turun dua sen bagi tempoh 29 Ogos hingga 4 September ini.

Menurut kenyataan Kementeri-

rian Kewangan, berdasarkan penetapan harga runcit mingguan produk petroleum menggunakan Mekanisme Harga Automatik (APM), harga baharu seliter bagi RON95 adalah RM1.72, RON97 (RM2.02) dan diesel

(RM1.78).

"Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia dan mengambil langkah bersesuaian bagi memastikan kebajikan serta kesejahteraan rakyat terus terpelihara," katanya. BERNAMA